

19 SEP 1997

Jerebu-tentera

ATM BERSIAP SEDIA BANTU DARURAT DI SARAWAK

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sudah bersiap sedia dalam misi membantu rakyat di Sarawak berikutan pengisytiharan darurat di negeri itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dharurat diisytiharkan di Sarawak buat pertama kali dalam sejarahnya apabila jerebu paling buruk melanda negeri itu dengan Indeks Pencemar Udara (API) mencecah 625 pada pukul 9 pagi ini.

Jurucakap Kementerian Pertahanan berkata para pegawai kanan ATM baru sahaja selesai bermesyuarat mengenai persiapan membantu sebarang keperluan di negeri itu pagi ini.

Beliau berkata TUDM akan menggunakan pesawat C130 dari Pengkalan TUDM Labuan untuk tujuan itu memandangkan ia lebih sesuai dalam keadaan sekarang di samping boleh terbang lebih tinggi berbanding jenis pesawat lain.

Menurutnya setakat ini pesawat yang ada di Pengkalan TUDM Labuan sudah mencukupi untuk mengendalikan sebarang operasi yang diperlukan termasuk pembenihan hujan, operasi pemindahan jika diperlukan dan membawa orang kenamaan melawat di negeri tersebut.

Mengenai operasi seharian TUDM termasuk latihan dan penerbangan ihsan yang biasa dilakukan, beliau berkata tiada syarat tetap yang dikeluarkan kementerian itu seperti penangguhan atau pembatalan penerbangan tetapi bergantung kepada keadaan cuaca.

TUDM akan memastikan penerbangan dilakukan pada waktu yang baik dan mengikuti perkembangan cuaca supaya tidak membahayakan anggotanya.

"Walaupun sesuatu penerbangan itu telah ditetapkan tetapi apabila tiba masa penerbangan, juruterbang mengesahkan keadaan cuaca amat buruk dan merbahaya...pembatalan penerbangan akan segera dilakukan," katanya.

Ukuran jerebu di Kuching berada pada tahap "Berbahaya" manakala di tiga kawasan lain dikategorikan sebagai "Sangat Tidak Menyihatkan" dan enam lagi tergolong sebagai "Tidak Sihat" pagi ini.

Laporan mengenai kualiti udara oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sehingga 11 pagi hari ini menunjukkan tiga kawasan yang mencapai tahap "Sangat Tidak Menyihatkan" ialah Melaka (223), Nilai (208) dan Kuala Lumpur (207). --

BERNAMA

ZAI/HT WAT